

Headline	Contohi UiTM terbit filem Wayang	Language	MALAY
Date	29. Jun 2008	Page No	2
Media Title	Berita Minggu	Article Size	288 cm²
Section	Bintang Popular	Frequency	Daily
Circulation	342946	Color	Full Color
Readership	2476000		



Contohi UiTM terbit filem Wayang


Jeling Kak Pora

DALAM hati Kak Pora tertanya-tanya juga, apakah orang kita jujur dengan filem tempatan. Apakah golongan pentadbir kerajaan, pegawai kanan di kementerian atau agensi tertentu, pemimpin politik, ahli korporat, golongan elit dan mereka yang tidak suka menonton filem tempatan, apa sebenarnya tanggapan mereka terhadap filem daripada bangsa kita sendiri?

Kita sedar ramai yang mempersoal filem tempatan masih berada dalam kualiti rendah dan kononnya mereka yang tidak minat filem tempatan itu ada cita rasa tinggi. Tidak mengapa-lah kalau mereka tidak sokong filem komersial atau filem cinta yang ringan kisahnya tetapi kalau ada filem yang bagus seperti filem sejarah dan filem yang memuatkan unsur budaya dan tinggi pemikirannya, Kak Pora rasa mereka harus sokong dan pergilah tengok di panggung.

Selain masyarakat kita dihidangkan dengan banyak filem cinta dan kisah komedi masyarakat ada juga pihak dalam industri filem kita tetap berani menghasilkan filem bercorak sejarah, budaya, agama dan sebagainya yang menggambarkan identiti negara. Di negara lain, setiap tahun ada sekurang-kurangnya dua filem nasional diterbitkan oleh kerajaan dengan sokongan swasta. Filem itu memang tidak semestinya memberi keuntungan dari segi komersial. Tapi keuntungan itu adalah dalam bentuk khazanah dan warisan bangsa yang boleh dihayati, dijadikan bahan rujukan untuk generasi akan datang.

Bagi generasi hari ini, mereka tidak ada rujukan mengenai sejarah negara 50 tahun lalu. Kalau tengok filem P Ramlee, sekurang-kurangnya generasi sekarang boleh gambarkan suasana



SALAH satu babak filem *Wayang* arahan Hatta Azad Khan (gambar kecil).

Singapura pada 1950-an dan 1960-an. Dalam hal ini, Kak Pora kagum kesanggupan Universiti Teknologi Mara (UiTM) menerbitkan filem *Wayang* yang diarahkan Dr Hatta Azad Khan. Kak Pora kurang faham mengapa orang di Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan masih teragak-agak untuk memberikan bantuan atau dana kepada karyawan filem yang hendak menerbitkan filem bercorak patriotik atau apa saja yang berkaitan dengan kepentingan nasional seperti filem sejarah supaya kita kaya dengan karya filem yang berkualiti tinggi.

Susah sangatkah hendak luluskan dana filem yang memberi kesan penting kepada negara. Tapi, Kak Pora hairan juga kalau bajet untuk buat majlis mewah dan meraikan sesuatu sama ada di dalam atau luar negara seperti promosi pelancongan, pihak kementerian tidak kisah keluar belanja berpuluhan juta ringgit.

Kak Pora tabik kepada UiTM yang berani buat filem bertemakan budaya bangsa iaitu filem yang cuba memberi kebanggaan mengenai perjuangan wayang kulit dan kisah masyarakat. Kak Pora dapat tahu, tidak ada penerbit filem yang mau

buat filem itu apabila Dr Hatta bawa skriptnya kepada mereka. Alih-alih UiTM sendiri yang terbitkan kerana Dr Hatta bekerja di UiTM. Elok UiTM teruskan usaha dan berani melabur untuk terbitkan filem yang tinggi budayanya selepas ini.

Universiti awam lain di Malaysia juga harus contohi UiTM, terutama universiti yang ada kursus perfilman seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Putra Malaysia dan Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan. Mereka harus berani buat filem yang boleh ditayang di pawagam, bukannya sekadar filem pendek atau filem pelajar untuk markah dalam kelas semata-mata. Kak Pora harap pihak universiti bekerjasama dengan profesional dalam industri filem supaya cari skrip yang bagus dan sediakan dana supaya filem hebat dapat dihasilkan. Biar buat sendiri, guna dana dari universiti sendiri. Kalau nak tunggu bantuan dari kementerian memang lambat dan mungkin tidak dapat langsung.

KAK PORA: Apa sudah jadi dengan filem Johnny Bikin Filem arahan Dr Anuar Nor Arai. Sampai bila nak diberi terperap?